

17 JAN 1996
Canada-Lawat
PM KANADA TIBA ESOK UNTUK LAWATAN

KUALA LUMPUR, 17 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Kanada, Jean Chretien akan tiba di sini esok bagi memulai lawatan dua hari ke Malaysia atas jemputan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad.

Kenyataan Wisma Putra berkata selain untuk meningkatkan lagi hubungan politik antara kedua-dua negara, lawatan Chretien juga bertujuan memperkembangkan kerjasama ekonomi dua hala dan perdagangan.

Beliau akan diiringi oleh isterinya, Aline, Menteri Perdagangan Antarabangsa, Roy Maclaren, Setiausaha Negara Bagi Asia Pasifik, Raymond Chan dan "Pasukan Kanada" yang terdiri daripada pemimpin wilayah, pegawai kanan kerajaan dan pemimpin korporat.

Chretien dijangka mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir mengenai penggalakan perhubungan dua hala dan akan menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Jaafar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah.

Malaysia dan Kanada juga dijangka menandatangani beberapa perjanjian dan memorandum persefahaman meliputi bidang-bidang tertentu dalam hubungan dua hala.

Perdana Menteri Kanada itu akan menghadiri Forum Perniagaan Malaysia-Kanada yang Pertama dan berucap kepada pemimpin-pemimpin sektor korporat dari kedua-dua negara.

Acara lain beliau semasa lawatan itu termasuk melawat projek Kuala Lumpur City Centre dan transit aliran ringan.

Jumlah perdagangan Malaysia - Kanada antara Januari dan September 1994 ialah sebanyak RM1,440 juta atau cuma 0.64 peratus daripada jumlah perdagangan Malaysia keseluruhannya. Ini termasuk eksport ke Kanada yang berjumlah RM1,02 juta.

Import Malaysia dari Kanada anantara lain ialah bahan makanan, bahan mentah perindustrian, lat telekomunikasi dan keluaran perubatan. -- BERNAMA